

Masalah Penulisan Naratif di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

FARIDAH SERAJUL HAQ
NOOREINY MAAROF
RAJA MOHD. FAUZI RAJA MUSA

ABSTRAK

Penguasaan kemahiran menulis merupakan kemahiran kognitif yang kompleks dan tugas yang mencabar bagi pelajar-pelajar yang bermasalah penulisan. Kemahiran menulis yang efektif amatlah penting untuk kejayaan akademik dalam sistem persekolahan di seluruh dunia. Lazimnya pelajar yang bermasalah dalam kemahiran ini memperlihatkan berbagai-bagai masalah seperti kesalahan ejaan, kekurangan organisasi untuk ide, perbendaharaan kata dan tatabahasa serta menulis cerita yang ringkas dan kurang lengkap. Tujuan kajian ini ialah untuk: (1) menilai masalah penulisan yang lazim didapati di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah dan (2) mencadangkan satu program intervensi untuk mengatasi masalah penulisan naratif. Sejumlah 200 sampel penulisan naratif dalam Bahasa Melayu diperolehi daripada pelajar berprestasi rendah daripada tujuh buah sekolah di daerah Ulu Langat, Selangor. Penilaian Penulisan Kawasan Oregon (PPKO) digunakan untuk menilai sampel penulisan naratif khususnya untuk dimensi ide, organisasi, suara, pilihan perkataan, kelancaran dan konvensi. Analisis yang dibuat dengan menggunakan min skor ujian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda pada keseluruhannya mencapai skor yang lebih tinggi bagi semua dimensi PPKO berbanding dengan pelajar-pelajar yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Tidak terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua kumpulan. Kesemua pelajar mendapat skor yang lebih tinggi untuk dimensi ide dan organisasi tetapi skor yang rendah untuk konvensi penulisan. Dicadangkan supaya program intervensi penulisan naratif memberi fokus kepada kesemua dimensi PPKO khususnya kepada konvensi penulisan.

ABSTRACT

The acquisition of writing skills is both a cognitively complex and challenging task for most students with writing difficulties. Effective writing skills are crucial for academic success in most school systems in the world. Students with poor narrative writing skills often exhibit numerous problems such as poor spelling, weak organization of ideas, lack of vocabulary, weak grammar and they produce short, incomplete stories. The purposes of this research are to:

(1) assess the common problems of narrative writing of secondary school students and (2) suggest an intervention program to overcome the students' narrative writing problems. A total of 200 writing samples were collected from low proficiency students in seven secondary schools in the Ulu Langat school district in Selangor. The Oregon Statewide Writing Assessment (OSWA) Scale was used to evaluate the narrative writing samples specifically in the dimensions of ideas, organization, voice, word-choice, fluency and writing convention. The results, analysed using mean scores, indicated that native speakers of Bahasa Melayu in general scored higher for all dimensions of the OSWA compared to speakers of Bahasa Melayu as a second language. However, no significant differences were found between the two groups. Both groups performed better on ideas and organization, but obtained low scores for writing convention. It is suggested that intervention programs for teaching narrative writing should focus on all dimensions of the OSWA, particularly, on writing convention.

PENGENALAN

Tugas menulis merupakan aktiviti yang kompleks oleh sebab menulis dalam apa jua bahasa pun merupakan aktiviti mental yang kompleks dan melibatkan kemahiran menyelesaikan masalah serta kebolehan berkomunikasi. Tambahan pula, penulisan melibatkan kemahiran menulis untuk pelbagai tujuan dan konteks. Ia bukan hanya setakat mempelajari struktur dan perbendaharaan kata sesuatu bahasa itu sahaja. Apabila kanak-kanak menulis, mereka bukanlah penerima bahasa yang pasif (passive receptors) tetapi berperanan sebagai interaktor aktif (active interactors) yang saling bertindak dengan bahasa yang digunakannya (Allen 1991). Menulis memerlukan kemahiran bahasa seperti bertutur, membaca, mengeja dan seterusnya (Tindal & Marston 1990). Penulisan juga memerlukan integrasi pelbagai peraturan, kemahiran dan proses seperti tingkah laku kompleks yang lain (Johnson & Grant 1989). Ramai pakar bidang penulisan bahasa berpendapat bahawa menulis adalah satu kemahiran yang memerlukan penulis mengeluarkan ide, merancang dan menyiapkan teks penulisan mengikut peraturan lazim penulisan standard (Graham 1982; Graham & Harris 1989; Graham, Harris & Sawyer 1987; Graham, Harris, MacArthur & Schwartz 1991; MacArthur & Graham 1987).

Pelbagai definisi penulisan telah diutarakan oleh pakar penulisan dan bahasa antaranya melihat penulisan sebagai satu cara melahirkan bahasa manusia melalui simbol-simbol yang dapat dilihat (Barnow 1989). Penulisan memerlukan kemahiran memahami apa dan bagaimana komunikasi berlaku di kalangan ahli masyarakat. Penulis menulis untuk komuniti dengan menggunakan peraturan penulisan khas. Pengajaran dan pembelajaran penulisan di sekolah pula memperlihatkan kecenderungan kebudayaan masyarakat dominan. Menulis adalah satu aktiviti

sosial di mana masyarakat menentukan supaya sekolah mengajar sistem ortografik, tatabahasa, struktur sintaksis dan genre yang diterima dan digunakan dalam komuniti am.

Pelbagai bentuk kajian yang mendalam telah dijalankan hasil daripada keprihatinan terhadap masalah penulisan di kalangan kanak-kanak yang menulis dalam bahasa ibunda (Edelsky 1982; Goldman & Rueda 1988; Patterson & Bums 1994; Saville-Troike 1984; Valdes 1992). Kebanyakan kajian dijalankan untuk membanding prestasi pencapaian penulisan antara kanak-kanak berpencapaian rendah dengan rakan sebaya mereka yang tiada masalah penulisan (Graham & Harris 1989; Laughton & Morris 1989; Vallecorsa & Gariss 1990) dan memberi fokus kepada penulisan genre naratif (Graham 1982; Harris & Graham 1992). Kebanyakan kajian memberi fokus kepada kanak-kanak sekolah rendah dan kurang sekali menggunakan pelajar sekolah menengah (Graves, Montague & Wong 1990; Lerner 1993; Montague & Lavell 1994). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak berpencapaian rendah ketinggalan berbanding dengan rakan sebaya mereka dan salah satu sebabnya adalah terdapatnya kekurangan pengajaran penulisan yang efektif (Graham & Harris 1989; Graham 1982).

Di Malaysia, penulisan merupakan satu aspek pengajaran yang diberi penekanan dalam kurikulum sekolah, terutamanya bagi tujuan menduduki peperiksaan umum seperti Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pengajaran penulisan naratif di sekolah bertujuan meningkatkan kemahiran menulis serta mengasuh pelajar tentang amalan kebudayaan, norma serta nilai-nilai yang dihargai dalam budaya dan bahasa. Penulisan juga mengukuhkan kemahiran berfikir pada peringkat yang tinggi seperti menganalisis, mengaplikasi dan menilai maklumat. Ia juga satu kaedah untuk pelajar berkomunikasi, mengorganisasikan fikiran dan maklumat, menyampaikan ide dan perasaan dan memperlihatkan kefahaman tentang sesuatu mata pelajaran.

Pada peringkat sekolah rendah dan menengah, pelajar sering diberi pendedahan kepada penulisan naratif dari segi struktur pembinaan cerita dan fungsinya. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan besar pelajar yang memulakan alam persekolahan mempunyai kemahiran menulis yang amat rendah. Pelajar bermasalah penulisan perlu diberi bimbingan melalui pengajaran. Guru perlu prihatin terhadap aspek kelemahan penulisan yang dihadapi pelajarnya. Satu bentuk ujian penaksiran yang membolehkan guru mengenal pasti kelemahan aspek penulisan pelajar-pelajarnya, khususnya dari segi aspek tatabahasa, organisasi struktur penulisan atau susunan kandungan dan sebagainya. Kelemahan-kelemahan itu perlu diperbaiki oleh guru. Setelah memperolehi data tersebut, guru boleh menyediakan dan merancangkan satu program pemulihan bagi pelajar-pelajar yang lemah dalam penulisan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah penulisan naratif di kalangan pelajar sekolah menengah yang berprestasi rendah dengan menggunakan Skala Penilaian Penulisan Kawasan Oregon (Oregon Statewide Writing Assessment Scale). Kajian ini memberi fokus kepada prestasi penulisan naratif dua kategori pelajar pencapaian rendah iaitu: (1) pelajar yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan (2) pelajar yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Masalah kedua-dua kumpulan ini dikenal pasti dan dikategorikan mengikut skala Penilaian Penulisan Kawasan Oregon (PPKO). Strategi pengajaran efektif bagi mengatasi masalah penulisan dicadangkan berdasarkan dapatan kajian. Soalan-soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah masalah penulisan naratif pelajar berprestasi rendah yang dapat dikategorikan mengikut skala PPKO?
2. Apakah masalah penulisan naratif pelajar yang berbahasa Melayu sebagai bahasa ibunda berbanding dengan pelajar yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua seperti yang diukur pada skala PPKO?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara prestasi penulisan naratif di kalangan pelajar berprestasi rendah yang bahasa ibundanya Bahasa Melayu dengan pelajar berprestasi rendah yang belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua?

METODOLOGI KAJIAN

SUBJEK

Seramai 200 orang pelajar Tingkatan Satu dari 7 buah sekolah di daerah Hulu Langat telah dipilih sebagai subjek bagi kajian ini. Sekolah yang dipilih mempunyai kelas-kelas yang telah menempatkan pelajar berprestasi rendah berdasarkan keputusan peperiksaan UPSR. Umur mereka adalah antara 11 hingga 14 tahun. Subjek juga dikenal pasti oleh guru tingkatan sebagai pelajar yang lemah dalam penulisan naratif Bahasa Melayu berdasarkan ciri-ciri seperti berikut: (1) tidak boleh menulis mengikut bilangan perkataan yang diperlukan atau menulis terlalu ringkas; (2) penulisan tiada/kurang berstruktur dan organisasi serta isi kandungan yang tidak jelas dan teratur; (3) kurang perkembangan ide, watak dan perasaan dalam naratif; (4) banyak masalah ejaan dan peraturan lazim penulisan; dan (5) tulisan tangan yang tidak jelas dibaca. Kumpulan subjek dikategorikan kepada kumpulan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda (berbangsa Melayu) dan kumpulan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (berbangsa Cina dan India). Sebilangan besar daripada subjek datang daripada latar belakang sosioekonomi yang rendah. Di antara pekerjaan ibu

bapa dan penjaga mereka termasuklah pemandu, buruh, peniaga, pengawal keselamatan dan kerani tingkatan rendah. Semua subjek menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam kurikulum sekolah. Bahasa Melayu diajar sebagai satu mata pelajaran dengan purata 12 jam seminggu dan setiap waktu pengajaran meliputi 40 minit.

PROSEDUR

Ujian penulisan naratif telah dijalankan pada sesi sekolah petang dan dilaksanakan di sebuah kelas di setiap sekolah. Setiap kelas mempunyai purata 45 orang subjek. Setiap subjek diberi kertas tulis bergaris dan pensil untuk menulis karangan naratif berserta satu set arahan ujian. Subjek juga diarah untuk mengisi borang maklumat peribadi. Subjek diberi masa 45 minit untuk menulis karangan naratif yang panjangnya 180 patah perkataan. Jumlah ini sama seperti jumlah yang diperlukan dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Setiap subjek diarahkan untuk menulis satu karangan naratif dalam Bahasa Melayu yang dimulakan dengan ayat permulaan (story starter):

Saya sedang membaca dengan asyiknya, apabila dengan tiba-tiba adik saya berlari masuk ke dalam bilik sambil menjerit dengan sekuat-kuatnya...

Tajuk ini berdasarkan tajuk yang biasa digunakan dalam bahagian karangan kertas Bahasa Melayu PMR. Tajuk ini telah diubahsuai untuk dimasukkan satu tema moral.

PROSEDUR PERKIRAAN SKOR PENULISAN NARATIF

Skala PPKO mengandungi dimensi skala yang telah direka untuk mengukur kebolehan menulis dan boleh juga digunakan oleh guru untuk mengajar pelajar memperbaiki penulisan mereka (Lampiran A). Skala ini dianggap skala penelitian analitis yang memberi maklumat penting tentang kebolehan menulis pelajar dalam 6 dimensi kemahiran. Bagi setiap bahagian skala, skor yang diberi adalah markah 1 hingga 6. Markah tertinggi ialah 6 mata dan yang terendah ialah 1 mata. Tiga orang pemeriksa yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu di kawasan Hulu Langat telah dilatih untuk memeriksa semua sampel tulisan naratif dengan menggunakan PPKO.

DAPATAN KAJIAN

Statistik deskriptif dalam pakej statistik SPSS telah digunakan untuk mendapatkan frekuensi, julat, median dan min untuk skor sampel penulisan. Jadual 1 menunjukkan dapatan mengikut dimensi.

Secara keseluruhan, pelajar-pelajar mendapat skor yang tinggi untuk dimensi ide (min 3.8), diikuti oleh dimensi organisasi (min 3.5), suara (3.4), pilihan perkataan

JADUAL 1. Min bagi setiap dimensi penulisan

Dimensi	Min
Ide	3.8
Organisasi	3.5
Suara	3.4
Pilihan perkataan	3.3
Kelancaran ayat	3.2
Konvensi penulisan	3.1

(3.3), kelancaran ayat (3.2). Skor yang terendah merupakan skor bagi dimensi konvensi penulisan (min 3.1). Pelajar-pelajar mempunyai ide untuk penulisan, tetapi tidak dapat disampaikan dengan baik dan jelas oleh sebab mereka lemah dalam aspek konvensi penulisan. Antara kelemahan konvensi penulisan yang ketara ialah masalah berkaitan dengan: (1) penggunaan tanda baca (contoh: koma, noktah, penghubung kata); (2) membezakan huruf besar dengan huruf kecil; (3) mengeja perkataan berimbuhan; dan (4) membuat perenggan.

Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan pelajar yang bahasa ibundanya Bahasa Melayu memperolehi skor yang lebih tinggi daripada kumpulan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kumpulan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda juga mendapat skor yang lebih tinggi daripada kumpulan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dari segi organisasi ide. Seterusnya, pelajar yang bahasa ibundanya Bahasa Melayu mendapat skor yang lebih baik daripada kumpulan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua untuk dimensi suara, pilihan perkataan, kelancaran ayat dan konvensi. Perbezaan min kumpulan untuk setiap dimensi PPKO ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Perbezaan min bagi skor antara kumpulan

Kumpulan	Dimensi	Min Tertinggi	Skor
BM Bahasa Ibunda	Ide	4.24	1.27
	Organisasi	3.99	1.25
	Suara	3.83	1.36
	Pilihan Perkataan	3.84	1.12
	Kelancaran Ayat	3.70	1.25
	Konvensi	3.43	1.26
BM Bahasa Kedua	Ide	2.85	1.21
	Organisasi	2.71	1.34
	Suara	2.57	1.29
	Pilihan Perkataan	2.34	1.20
	Kelancaran Ayat	2.37	1.24
	Peraturan Penaksiran Lazim	2.25	1.20

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan pelajar yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua memperoleh min tertinggi untuk dimensi ide dan min terendah untuk dimensi konvensi. Walau bagaimanapun, kumpulan pelajar bahasa ibunda Bahasa Melayu memperoleh min untuk dimensi ide (min 4.24) yang lebih tinggi berbanding kumpulan pelajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (min 2.85). Namun demikian, min yang diperolehi masih di bawah tahap baik untuk dimensi ide. Kedua-dua kumpulan pelajar berupaya mengeluarkan ide untuk bercerita tetapi lemah dalam kemahiran peraturan konvensi keadaan ini menyebabkan penulisan mereka secara keseluruhan sukar untuk difahami dan diikuti (Lampiran B bagi sampel penulisan subjek). Kedua-dua kumpulan pelajar berprestasi rendah ini memerlukan pengajaran kemahiran menulis yang lebih efektif untuk memperbaiki penulisan naratif mereka.

Dapatan kajian membawa implikasi wujudnya keperluan pengajaran kemahiran menulis untuk pelajar-pelajar berprestasi rendah supaya mereka dapat dibimbing untuk mempertingkatkan kemahiran penulisan mereka. Dapatan ini menyokong dapatan Lerner (1993) yang menunjukkan bahawa kelemahan dalam satu aspek penulisan boleh mengganggu kebolehan pelajar menulis dengan berkesan. Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa penyampaian ide pelajar disekat oleh kurangnya kemahiran menulis, seperti yang didapati oleh Outhred (1989).

Justeru guru perlu diberi pendedahan kepada strategi-strategi yang dapat digunakan untuk mengajar kemahiran menulis dengan baik dan jelas. Strategi pengajaran yang efektif ialah strategi yang berulang kali terbukti berjaya dalam kebanyakan situasi pembelajaran. Satu cara yang baik untuk melaksanakan strategi pengajaran ialah melalui penerangan dan demonstrasi (model/ccontoh). Strategi berkenaan diajar kepada sekumpulan pelajar dan dilihat sama ada pelajar berkenaan dapat menggunakan strategi tersebut dengan berjaya atau tidak. Pelajar juga menjadi ahli perkongsian (collaborators), yang memberi maklum balas dan cadangan untuk penilaian dan pengubahsuaian strategi. Selepas itu strategi tersebut boleh diajar oleh pelajar sebagai tutor kepada rakan sebaya mereka. Dengan adanya penglibatan pelajar dalam penggunaan strategi pengajaran, guru dapat mengetahui sama ada: (1) pelajar benar-benar menggunakan strategi tersebut, (2) penggunaan strategi dapat memberi kesan positif terhadap prestasi pencapaian pelajar, (3) pelajar melihat strategi sebagai berharga dan munasabah untuk dilaksanakan.

Dalam pengajaran kemahiran menulis prinsip-prinsip berikut ditekankan:

- Apabila menilai satu-satu strategi, pastikan komponen-komponen dalam strategi tersebut dikenal pasti dan penggunaan masa perlu diberi perhatian.

- Produk penulisan pelajar dinilai dengan menyimpan portfolio hasil penulisan pelajar yang memberi gambaran jelas akan kekuatan dan kelemahan penulisan pelajar pada setiap peringkat pengajaran.
- Untuk menilai proses kognitif, guru perlu memerhatikan pendekatan pelajar semasa menulis sama ada strategi yang diajar digunakan dengan betul atau sebaliknya.

PENUTUP

Kebanyakan pelajar yang menghadapi masalah penulisan boleh diajar menulis dengan lebih baik sekiranya ada pengubahsuaian kurikulum dan juga penyediaan bahan pengajaran yang bersesuaian. Jenis dan jumlah sokongan yang perlu diberi adalah bergantung kepada keperluan individu, tahap persekolahan dan jenis penulisan yang bermasalah (Applebee & Langer 1983). Jumlah bantuan yang diberi akan berkurangan setelah pelajar lebih mahir menulis. Di negara-negara barat seperti di Amerika Syarikat, undang-undang pusat dan kerajaan negeri memandatkan bantuan diberi kepada pelajar-pelajar yang mengalami masalah penulisan. Guru-guru disyaratkan mematuhi undang-undang berkenaan dan memastikan segala usaha dilaksanakan supaya masalah penulisan dapat diatasi dan prestasi pencapaian akademik tidak terjejas. Hak asasi pelajar kurang upaya mesti dipelihara dan guru perlu memastikan peraturan undang-undang dilaksanakan secara praktis di dalam bilik darjah.

Guru bertanggungjawab untuk menyediakan persekitaran yang membolehkan pelajar berjaya. Untuk memastikan pelajar boleh berjaya, guru mesti yakin dan percaya bahawa: (1) semua pelajar boleh belajar, (2) kejayaan membawa kepada lebih banyak kejayaan, (3) sekolah mengawal keadaan yang membawa kejayaan (Garcia 1992). Kebanyakan pengubahsuaian dan modifikasi pengajaran tidak melibatkan perbelanjaan masa dan wang yang banyak, tetapi melibatkan perubahan pandangan kepada situasi yang sama (Gamble 1993). Untuk kebanyakan pelajar yang mengalami masalah penulisan, penyediaan akomodasi yang sesuai adalah satu cara hak asasi dan peluang pembelajaran yang boleh diperolehi oleh kumpulan pelajar ini.

LAMPIRAN A

SIJIL PENGUASAAN AWAL
KEMAHIRAN KOMUNIKASI ASAS PENULISAN
Panduan Skor Ide/Kandungan

6	4	2
<p>Penulisan sangat jelas, berfokus, dan menarik. Ia menarik perhatian pembaca dari awal hingga akhir. Idea-idea utama menyerlah dan dikembangkan oleh butiran-butiran sokongan yang kukuh dan kaya, sesuai dengan tujuan dan pembaca. Penulisan mempunyai ciri-ciri berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Fokus dan kawalan. • Idea utama yang menyerlah. • Butiran yang menyokong, relevan dan dipilih dengan teliti, bila sesuai, penggunaan sumber-sumber memberikan sokongan yang kukuh, tepat dan mantap. • Penerangan yang terperinci, seimbang dan mendalam/explorasi topik; penulis membuat perkaitan dan berkongsi pandangan. • Kandungan dan butiran yang dipilih adalah berseesuaian dengan pembaca dan tujuan. 	<p>Penulisan jelas dan berfokus. Pembaca boleh dengan mudah memahami idea-idea utama. Sokongan wujud, walaupun ia mungkin terhad atau agak umum. Penulisan mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tujuan yang mudah dikenal pasti. • Idea-idea utama yang jelas. • Butiran sokongan yang relevan, tetapi mungkin terlalu umum atau terhad di tempat-tempat tertentu; di mana sesuai, sumber-sumber digunakan tetapi gagal memberikan sokongan yang sentiasa tepat dan mantap. • Topik yang diteroka/diterangkan walaupun butiran yang dikembangkan mungkin tidak seimbang dengan idea-idea utama; perkaitan dan pandangan mungkin wujud. 	<p>Idea-idea utama dan tujuan yang agak kurang jelas, atau perkembangan yang cuba dibuat terlalu sedikit. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tujuan dan idea utama yang perlukan inferens yang meluas oleh pembaca. • Perkembangan yang minima; butiran tidak mencukupi. • Butiran tidak relevan, yang mengaburkan teks.

5

Penulisan jelas, berfokus dan menarik. Ianya menarik perhatian pembaca. Idea utama menyerlah dan dikembangkan oleh butiran penyokong yang sesuai dengan pembaca dan tujuan. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Jelas, berfokus dan kawalan.
- Idea utama menyerlah.
- Butiran-butiran yang menyokong, relevan dan dipilih dengan teliti; di mana sesuai, penggunaan sumber memberikan sokongan yang kukuh, tepat dan mantap.
- Penerangan yang terperinci dan seimbang/ eksplorasi topik; penulisan membuat perkaitan dan berkongsi pandangan.
- Kandungan dan butiran yang dipilih sesuai dengan pembaca dan tujuan.

3

Pembaca boleh memahami idea-idea utama, walaupun ia mungkin terlalu luas atau ringkas, dan hasilnya mungkin tidak berkesan. Butiran sokongan selalunya terhad, tidak cukup, terlalu umum atau kadangkala tersisih. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Tujuan, dan idea-idea utama yang boleh dikenal pasti.
- Idea-idea utama atau jalan cerita yang boleh diramal atau terlalu jelas.
- Penulis cuba memberi sokongan tetapi butiran yang dikembangkan terhad skopnya, kadangkala tidak seimbang, tersisih, boleh diramal, atau terlalu umum.
- Butiran mungkin berasaskan sumber yang kurang mantap; ia mungkin berasaskan kata pepatah, stereotaip atau sumber-sumber maklumat yang boleh dipertikaikan.

1

Penulisan tidak cukup idea atau tujuan utama. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Idea-idea yang terhad atau semata-mata tidak jelas.
- Percubaan penulis mengembangkan cerita adalah minima atau tidak ada langsung.

SIJIL PENGUASAAN AWAL
KEMAHIRAN KOMUNIKASI ASAS PENULISAN
Panduan Skor Susunan

<p>6</p> <p>Susunan penulisan merangsang idea-idea utama dan perkembangan penyusunan dan strukturnya kemas dan membawa pembaca sepanjang teks dengan mudah. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri tersebut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berkesan, mungkin kreatif, berurutan, struktur penyusunan bersesuaian dengan topik, dan penulisan tersebut mudah diikuti. • Permulaan yang kukuh dan menarik, serta menarik perhatian pembaca dan penyudah atau kesimpulan yang kukuh dan memuaskan. • Transisi yang licin dan berkesan di antara setiap elemen (ayat-ayat, perenggan-perenggan, idea-idea). • Butiran yang sesuai dengan kedudukannya. 	<p>4</p> <p>Penyusunan adalah jelas dan koheren. Susunan dan struktur wujud, tetapi mungkin tampak mengikut formula, atau tidak sentiasa berkesan. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Urutan yang jelas. • Susunan atau struktur yang mungkin boleh diramal serta kaku; ia seolah-olah dimuatkan ke dalam teks secara palsu dan bukan secara semulajadi. • Permulaan yang mungkin dapat diterima tetapi tidak begitu menarik; penyudah yang wujud tetapi mungkin kurang perkembangan atau kesedarhanaan. • Transisi yang mengikut formula atau kekok. • Butiran selalunya sesuai dengan kedudukannya. • Susunan yang membantu pembaca, walaupun ada kelemahan-kelemahan. 	<p>2</p> <p>Penulisan kurang struktur organisasi yang jelas. Alat penyusun yang ada boleh diolah, tetapi secara keseluruhan, penulisan tersebut susah hendak diikuti dan pembaca perlu membaca semula sebahagian besar penulisan tersebut. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat percubaan mengadakan urutan, tetapi susunannya atau hubungkait di antara idea-idea selalunya kurang jelas. • Permulaan dan/atau penyudah sama ada tidak wujud atau kurang dikembangkan. • Transisi yang terhad, dan kalau ada pun, tidak berkesan atau terlalu banyak digunakan. • Struktur organisasi kurang berkesan. • Butiran seolah-olah diletakkan secara rawak, membiarkan pembaca selalu keliru.
--	---	---

5

Penyusunan yang merang-sang idea-idea utama dan pengembangannya. Penyusunan dan struktur adalah kukuh dan membawa pembaca sepanjang teks. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Urutan yang berkesan; struktur organisasinya sesuai dengan topik, dan penulisan mudah diikuti.
- Permulaan yang menarik dan menarik pembaca bersama, serta penyudah atau kesimpulan yang memuaskan.
- Transisi yang licin dan berkesan di antara semua elemen (ayat-ayat, perenggan-perenggan, idea-idea).
- Butiran yang sesuai dengan kedudukannya.

3

Suatu percubaan telah dibuat bagi menyusun penulisan; namun struktur keseluruhannya kurang berkesan, tidak konsisten, atau terlalu nyata. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Terdapat percubaan menyusun urutan, tetapi susunan atau hubungkait di antara idea-idea kadangkala kurang jelas.
- Permulaan dan penyudah wujud, tetapi sama ada kurang dikembangkan atau terlalu nyata. (contohnya “topik saya adalah...;” “Berikut adalah sebab-sebab mengapa...”)
- Transisi kadangkala baik; ada kalanya pula hubungkait di antara idea-idea kurang jelas. Alat-alat transisi yang sama digunakan berlebihan (seperti kata penghubung, nombor-nombor dan sebagainya).
- Struktur yang kaku atau mengikut formula; seolah-olah dimasukkan secara palsu dan gagal merangsang idea utama atau tema.
- Kedudukan butiran yang menyebabkan pembaca kadangkala keliru.
- Susunan yang terpisah-pisah di beberapa tempat, tetapi membantu di tempat-tempat yang lain.

1

Penulisan kurang koheren; susunan tampak kucar kacir dan terpisah. Walaupun setelah membaca semula, pembaca masih keliru. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:

- Urutan kurang berkesan.
- Kegagalan memberikan permulaan dan/atau penyudah yang berkesan.
- Kurang transisi.
- Penjarakan yang sentiasa pelik; pembaca merasa sama ada diperlam-batkan oleh perkara remeh atau dipercepatkan sepanjang penulisan.
- Kurang penyusunan yang akhirnya menga-burkan perkara utama.

SIJIL PENGUASAAN AWAL
KEMAHIRAN KOMUNIKASI ASAS PENULISAN
Panduan Skor Suara

<p>6</p> <p>Penulis telah memilih suara yang sesuai dengan topik, tujuan dan pembaca. Penulis seolah-olah sangat terlibat dengan topik, dan terdapat suatu perasaan ‘menulis untuk dibaca’ yang jelas. Penulisan tersebut sangat ekspresif, melibatkan pembaca dan ikhlas. Ia mungkin mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Suatu tahap dekatnya dengan atau jauhnya dari pembaca yang berkesan (contohnya naratif harus mempunyai suara persembirian yang kukuh, manakala penulisan, ekspositori mungkin memerlukan penggunaan sumber luar yang meluas dan suara yang lebih akademik; namun keduanya harus melibatkan pembaca, menarik dan hidup. Penulisan teknikal mungkin memerlukan jarak yang lebih). • Penampilan terhadap pembaca yang sangat kukuh; penulis nampaknya sedar kehadiran pembaca dan tahu cara terbaik menyampaikan mesej dengan berkesan. Pembaca mungkin mengolah hasrat penulis melalui perkataan-perkataan dan dapat merasakan perasaan interaktif di antara mereka. 	<p>4</p> <p>Suara wujud. Penulis nampaknya terlibat dengan topik, dan terdapat perasaan ‘menulis untuk dibaca’. Di sesetengah tempat, penulisan ekspresif, melibatkan pembaca, atau ikhlas. Ia mungkin mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahap dekatnya dengan atau jauhnya dari pembaca boleh dipertikaikan atau tidak konsisten. • Penampilan terhadap pembaca; penulis nampaknya sedar kehadiran pembaca tetapi suara yang sesuai tidak sentiasa digunakan. Pembaca mungkin mencungkil hasrat penulis melalui perkataan-perkataan dan merasakan interaksi di antara mereka di sesetengah tempat. • Kadangkala hidup, ikhlas, atau humor bila sesuai; namun kesan keseluruhan mungkin sama ada terlalu bersengaja atau personal, atau terlalu formal dan kaku. 	<p>2</p> <p>Penulisan memberikan sedikit perasaan terlibat atau komitmen. Tiada bukti yang penulis telah memilih suara yang sesuai. Penulisan mungkin mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan penulis yang terhad; penulisan selalunya membosankan, tidak hidup, kaku atau mekanikal. • Suara yang mungkin terlalu bersengaja dan personal. • Kurang kesedaran terhadap pembaca; terdapat perasaan ‘menulis untuk dibaca’ yang sedikit. • Perasaan tentang kehadiran penulis hanya sedikit atau tiada langsung. Hampir tiada perasaan interaksi di antara penulis dan pembaca.
---	--	---

5

Penulis telah memilih suara yang sesuai dengan topik, tujuan dan pembaca. Penulis nampaknya terlebih dengan topik dan terdapat perasaan 'menulis untuk dibaca'. Penulisan adalah ekspresif, melibatkan pembaca atau ikhlas. Ia mungkin mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Penulis telah memilih suara yang sesuai tahap jauhnya dari atau dekatnya dengan pembaca contohnya naratif harus mempunyai suara persendirian yang kukuh, manakala penulisan ekspositori mungkin perlukan penggunaan sumber luar yang meluas dan suara yang lebih akademik; namun keduanya harus melibatkan pembaca, hidup dan menarik. Penulisan teknikal mungkin perlu jarak yang lebih).
- Suatu penampilan terhadap pembaca yang kukuh; penulis nampaknya sedar kehadiran pembaca dan tahu cara menyampaikan mesej dengan berkesan. Pembaca mungkin mengolah hasrat penulis melalui perkataan-perkataan dan merasa seolah-olah berinteraksi sesama mereka.
- Topik seolah-olah hidup, di mana sesuai, penulisan mungkin menunjukkan keaslian, hidup, keikhlasan, penglibatan, keceriaan, humor atau kegerunan.

3

Penglibatan penulis dengan topik mungkin terhad. Suara mungkin hadir kadangkala, tetapi ia tidak mencerminkan pilihan yang dibuat oleh penulis secara sedar. Penulis mungkin menggunakan sama ada suara yang terlalu personal atau terlalu tidak personal. Penulisan tersebut mungkin mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Tiada kesesuaian yang nyata di antara suara dan topik, tujuan dan pembaca.
- Kesedaran terhadap pembaca terhad; kesedaran penulis terhadap kehadiran pembaca tidak jelas.
- Kadangkala terasa kehadiran penulis melalui kata-katanya; namun suara tersebut mungkin beralih atau hilang satu atau dua ayat selepas itu.
- Kebolehan terhad dalam mengubah objektif suara bila diperlukan.

1

Penulisan nampak kurang penglibatan atau komitmen. Penulisan tersebut berciri seperti berikut:-

- Tiada penglibatan penulis; penulis membosankan, tidak hidup, kaku atau mekanikal.
- Kurang kesedaran terhadap pembaca; tiada perasaan 'menulis untuk dibaca'.
- Tiada bukti kehadiran penulis. Hampir tiada perasaan interaksi di antara penulis dan pembaca; penulisan tidak melibatkan pembaca langsung.

SIJIL PENGUASAAN AWAL
KEMAHIRAN KOMUNIKASI ASAS PENULISAN
Panduan Skor Perkataan

<p>6</p> <p>Perkataan-perkataan menyampaikan mesej dengan sangat menarik, tepat dan secara sejati. Penulis menggunakan perkataan-perkataan yang beraneka dan kaya, yang mana telah dipilih dengan teliti dan diletakkan secara berkesan. Penulisan mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkataan-perkataan yang tepat, kukuh dan khusus; perkataan-perkataan yang kuat, yang memberi daya kepada penulisan. • Ekspresi yang original dan segar; 'slang' jika digunakan, nampak bertujuan dan berkesan. • Perbendaharaan kata yang beraneka dan berketrampilan, tetapi sesuai dan tidak keterlaluan. • Perkataan biasa digunakan dengan luar biasa. • Perkataan-perkataan yang mengukir gambaran yang kukuh; bahasa figuratif mungkin digunakan. 	<p>4</p> <p>Perkataan-perkataan menyampaikan mesej yang dihajatkan, tetapi kurang menarik, bertenaga, dan tepat. Pemilihan perkataan-perkataan berguna, tetapi banyak yang terlalu teknikal atau penuh dengan 'jargon'. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri yang berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkataan-perkataan berkesan tetapi tidak memberi daya kepada penulisan. • Ekspresi yang mungkin biasa sahaja. 'Slang', jika digunakan, tidak nampak bertujuan atau tidak begitu berkesan. • Bahasa teknikal atau 'slang' keterlaluan atau tidak sesuai dengan pembaca atau tujuan penulisan. • Eksperimen dengan bahasa kurang dibuat; namun penulisan mungkin kadangkalanya elok dan 'cliche' umumnya dielakkan. 	<p>2</p> <p>Bahasa terlalu umum dan leper, dan/atau disalahguna, dari maksud dan kesan yang dikehendaki. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri yang berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkataan-perkataan yang tidak bercorak, umum, leper atau kurang tepat. • Pergantungan kepada atau penggunaan semula ekspresi yang keterlaluan sehingga lari dari mesej yang hendak disampaikan. • Imej yang kabur atau langsung tiada.
---	---	--

5

Perkataan-perkataan dapat menyampaikan mesej secara menarik, tepat dan natural. Penulis menggunakan pelbagai perkataan yang dipilih dengan teliti dan diletakkan dengan berkesan. Penulisan mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Perkataan-perkataan yang tepat dan khusus; pemilihan perkataan-perkataan yang dapat memberi daya kepada penulisan.
- Ekspresi yang jelas dan segar; 'slang', jika digunakan, nampak bertujuan dan berkesan.
- Perbendaharaan kata yang mungkin pelbagai dan menyerlah, tetapi natural dan tidak keterlaluan.
- Perkataan-perkataan biasa digunakan dengan luar biasa.
- Perkataan yang menimbulkan gambaran yang jelas; bahasa figuratif mungkin digunakan.

3

Bahasa yang digunakan biasa sahaja, kurang menarik, tepat dan beraneka. Penulis tidak menggunakan perkataan-perkataan yang pelbagai melahirkan penulisan yang agak 'generic', penuh dengan perkataan-perkataan dan frasa-frasa yang lazim dijumpai. Pemilihan perkataan mungkin terlalu teknikal atau penuh dengan 'jargon'. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Perkataan yang berkesan, tetapi jarang menarik minat pembaca.
- Ekspresi yang nampaknya umum dan tidak bermaya; 'slang', jika digunakan, tidak nampak bertujuan dan tidak berkesan.
- Kebanyakan perkataan-perkataan tepat pada keseluruhannya, walaupun ada perkataan-perkataan yang salah digunakan.
- Percubaan menggunakan bahasa berbunga yang mungkin keterlaluan.
- Pergantungan kepada 'cliché' dan ekspresi yang terlalu banyak digunakan.
- Bahasa teknikal atau 'jargon' yang terlalu banyak digunakan atau kurang sesuai dengan tujuan dan pembaca.

1

Penulisan menunjukkan perbendaharaan kata yang terhad atau terlalu penuh dengan perkataan yang salah sehingga maksud dikaburkan. Hanya mesej yang umum dapat disampaikan kerana bahasa yang kabur. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Perkataan-perkataan yang umum dan kabur, gagal menyampaikan mesej penulis.
- Perkataan-perkataan yang sangat terhad.
- Perkataan-perkataan yang tidak langsung padan dengan teks; yang nampak tidak tepat, tidak mencukupi, atau sememangnya salah.

SIJIL PENGUASAAN AWAL
KEMAHIRAN KOMUNIKASI ASAS PENULISAN
Panduan Skor Kelicinan Ayat

<p>6</p> <p>Penulisan mempunyai rentak dan pengaliran yang berkesan. Ayat-ayat menunjukkan kesenian yang halus, dengan struktur yang sentiasa kukuh dan pelbagai, yang menjadikan pembacaan ekspresif mudah dan menyeronokkan. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri yang berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bunyi yang natural dan licin; ia berterusan dengan satu ayat mengalir dengan licin kepada ayat seterusnya. • Variasi meluas dari segi struktur ayat dan panjangnya, serta permulaan yang menambahkan minat terhadap teks. • Struktur ayat yang merangsang maksud dengan menarik perhatian kepada idea-idea utama atau memperkukuhkan hubungkait di antara idea. • Corak ayat yang pelbagai, menimbulkan gabungan berkesan di antara tenaga dan kewibawaan. • Kawalan yang kuat terhadap struktur ayat; 'fragment', jika digunakan, berkesan. • Kawalan statistik; dialog, jika digunakan, bunyi natural. 	<p>4</p> <p>Penulisan licin. Corak ayat adalah agak pelbagai, menyumbang kepada memudahkan pembacaan oral. Namun, hubungkait di antara frasa atau ayat mungkin kurang licin. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bunyi yang natural; pembaca boleh mengikuti penulisan dengan mudah. Walaupun kurang rentak dan 'grace' tertentu. • Beberapa struktur dan kepanjangan ayat yang berulang, permulaan yang mengalih kesan keseluruhan penulisan. • Kawalan yang kukuh ke atas struktur ayat mudah, tetapi pelbagai tahap kawalan ke atas ayat-ayat yang lebih kompleks. 'Fragments', jika digunakan mungkin tidak sentiasa berkesan. • Kawalan statistik yang kadangkala terlepas; dialog, bila digunakan, mungkin bunyi pelik atau tidak natural. 	<p>2</p> <p>Penulisan selalunya sama ada terputus-putus atau merepek. Pembinaan ayat yang pelik selalunya memaksa pembaca memperlahankan bacaan atau membaca semula. Penulis tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian-bahagian yang besar dalam teks adalah susah diikuti atau dibaca dengan kuat. • Corak ayat yang senada. (Contohnya, subjek-kata membuat atau subjek-kata membuat objek). • Banyak pembinaan ayat yang pelik, terputus-putus atau merepek.
--	---	---

-
- | | | |
|---|--|--|
| <p>5. Penulisan tersebut mempunyai rentak dan kelicinan yang mudah. Ayat dibina dengan teliti, dengan struktur yang kukuh dan pelbagai, yang membuat pembacaan oral ekspresif mudah dan menyeronokkan. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bunyi yang natural dan licin; ia berterusan dengan satu ayat mengalir ke ayat seterusnya. • Variasi dalam struktur dan kepanjangan ayat, permulaan yang menambahkan minat terhadap teks. • Struktur ayat yang merangsang maksud. • Kawalan ke atas struktur ayat 'fragments', jika digunakan, berkesan. • Kawalan statistik; dialog, jika digunakan, bunyi natural. | <p>3 Penulisan selalunya agak mekanikal dan tidak licin. Kadangkala pembinaan ayat yang pelik memaksa pembaca membaca dengan perkataan atau membaca semula. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Beberapa petikan yang mengundang pembacaan oral yang licin; tetapi yang lainnya agak terputus-putus. • Terdapat kepelbagaian dalam struktur, dan kepanjangan ayat, dan permulaan, walaupun penulis boleh dikatakan menggunakan corak ayat yang berulang. • Kawalan yang baik ke atas struktur ayat yang mudah, tetapi kurang kawalan ke atas ayat-ayat yang lebih kompleks; 'fragment' jika ada, mungkin tidak berkesan. • Ayat yang walaupun berfungsi tetapi kurang tenaga. • Terdapat kawalan statistik yang terlepas-lepas; dialog jika digunakan, mungkin berbunyi pelik atau tidak natural. | <p>1 Penulisan adalah susah untuk diikuti atau dibaca dengan kuat. Ayat-ayat selalunya terputus-putus, tidak habis, merepek atau pelik. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Teks yang tidak mengundang dan mungkin tidak langsung membolehkan pembacaan kuat yang licin. • Susunan perkataan yang mengelirukan sehingga selalu tidak tentu. • Struktur ayat yang selalunya mengaburkan maksud. • Ayat yang terputus-putus mengelirukan atau merepek. |
|---|--|--|
-

SIJIL PENGUASAAN AWAL
KEMAHIRAN KOMUNIKASI ASAS PENULISAN
Panduan Skor Konvensi

<p>6</p> <p>Penulisan menunjukkan kawalan yang kukuh ke atas konvensi penulisan standard (contohnya nahu, ‘Capitalisation’, ‘Punctuation’, penggunaan, perenggan) dan menggunakannya dengan berkesan bagi merangsang komunikasi. Kesilapan sangat sedikit dan kecil sehingga pembaca dapat mengimbas penulisan dengan mudah melainkan dia sengaja mencari kesilapan-kesilapan itu. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nahu yang betul dan penggunaan yang menyumbang kepada gaya dan kejelasan penulisan. • Perenggan yang baik, mengukuhkan lagi struktur organisasi teks. • Penggunaan ‘Punctuation’ yang kukuh dan berkesan, yang dapat membantu pembaca sepanjang teks. • Ejaan yang betul, walaupun perkataan-perkataan yang lebih susah. • Kawalan yang kuat ke atas konvensi; manipulasi konvensi. 	<p>4</p> <p>Penulisan menunjukkan kawalan asas terhadap konvensi penulisan standard (contohnya nahu, ‘Capitalisation’, ‘Punctuation’, penggunaan, perenggan). Kesilapan, walaupun tidak ketara, mula mengganggu pembacaan. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri yang berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kadangkala terdapat nahu dan penggunaan bahasa yang salah; masalah-masalah tidak begitu runcing sehingga mengaburkan makna atau mengelirukan pembaca. • Keseluruhan perenggan yang baik, yang memperkukuhkan struktur organisasi penulisan. • ‘Punctuation’ di akhir ayat yang selalunya betul; namun ‘Punctuation’ dalaman yang kadangkala salah. • Ejaan selalunya betul, terutamanya perkataan-perkataan yang biasa. • Kadangkala terdapat kesilapan ‘Capitalisation’. • Kawalan terhadap konvensi yang digunakan berpatutan tetapi teks mungkin terlalu pendek atau senang bagi menunjukkan penguasaan penulis. • Perlu kepada penyuntingan untuk memurnikan teks bagi penerbitan adalah sederhana. 	<p>2</p> <p>Penulisan tersebut menunjukkan kawalan yang lemah ke atas konvensi penulisan standard. Kesilapan-kesilapan adalah besar, selalu dan mengganggu pembacaan. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri yang berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesilapan-kesilapan dalam nahu dan penggunaannya yang mengganggu pembacaan dan maksud. • Perenggan-perenggan yang selalu berkelompok atau bermula di tempat yang tidak berkesan. • Terdapat ‘Punctuation’ di akhir ayat yang salah, ‘Punctuation’ dalaman yang mengandungi banyak kesilapan. • Kesalahan ejaan yang seolah mengganggu pembaca, berlaku salah ejaan perkataan-perkataan biasa. • ‘Capitalisation’ yang tidak konsisten atau selalu salah. • Kawalan yang sedikit ke atas konvensi-konvensi asas. • Penyuntingan bagi memurnikan teks untuk penerbitan sangat diperlukan.
---	--	---

5

Penulisan tersebut menunjukkan kawalan yang kuat atas konvensi penulisan standard (contohnya nahu, 'Capitalisation', 'Punctuation'), penggunaan, perenggan) dan menggunakannya dengan berkesan bagi merangsang komunikasi.

Kesilapan-kesilapan adalah sedikit dan sangat kecil sehingga ia tidak mengganggu pembacaan. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Nahu yang betul dan penggunaannya yang menyumbang kepada kejelasan dan gaya penulisan.
- Perenggan yang baik, memperkukuhkan struktur organisasi penulisan.
- Penggunaan 'Punctuation' yang berkesan yang membimbing pembaca sepanjang teks.
- Ejaan yang betul, walaupun perkataan-perkataan yang susah.
- Kesilapan 'Capitalisation' yang sedikit; jika ada, ia tidak mengagurkan.
- Kawalan terhadap konvensi yang kukuh.
- Kemahiran dalam penggunaan pelbagai konvensi dalam teks yang cukup panjang dan kompleks.
- Perlu hanya sedikit penyuntingan untuk memurnikan teks bagi penerbitan.

3

Penulisan menunjukkan kawalan yang terhad di atas konvensi penulisan standard. (Contohnya nahu, 'Capitalisation', 'Punctuation'), penggunaan perenggan). Kesilapan teranganterang mengganggu pembacaan. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Kesilapan nahu dan penggunaannya yang tidak menutup maksud tetapi mengganggu pembaca.
- Perenggan-perenggan yang kadang-kadang berbeza atau mula di tempat yang tidak berkesan.
- 'Punctuation' di akhir ayat yang hampir sentiasa betul; namun 'Punctuation' dalam yang banyak mengandungi kesilapan.
- Kesilapan ejaan yang mengganggu pembaca; kesilapan ejaan pada perkataan-perkataan biasa kadangkala berlaku.
- Kesilapan 'Capitalisation'.
- Terdapat kawalan ke atas konvensi-konvensi asas, tetapi teks keselunya terlalu mudah atau terlalu pendek bagi menunjukkan penguasaan penulis.

1

Banyak kesilapan pada penggunaan, ejaan, 'Capitalisation', 'Punctuation', yang sentiasa mengganggu pembaca dan membuat teks susah untuk dibaca. Lebih-lebih lagi, kesilapan itu sangat meruncing dan selalu berlaku sehinggakan pembaca merasakan susah untuk menumpukan perhatian kepada mesej dan terpaksa membaca semula untuk mendapatkan maksud. Penulisan tersebut mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Kemahiran menggunakan konvensi sangat terhad.
- 'Punctuation' asas (termasuk 'Punctuation' di akhir ayat) selalu tertinggal, bercelaru atau salah.
- Salah ejaan selalu berlaku dan sangat mengganggu bacaan.
- Perenggan yang sangat pelik, tiada langsung atau terlalu selalu (setiap ayat) sehingga tiada kaitan dengan susunan teks.
- 'Capitalisation' yang nampaknya dibuat secara rawak.
- Penyuntingan yang banyak diperlukan.

LAMPIRAN B

SAMPEL PENULISAN NARATIF 1

Saya sedang membaca dengan asyiknya, apabila dengan tiba-tiba adik saya berlari masuk ke dalam bilik sambil menjerit dengan kuatnya.

Saya terkejut, kemudian saya terus menuju ke dalam biliknya.

Semasa saya berada di dalam biliknya, saya melihat ada suatu lembaga putih yang sangat besar kelihatan di bilik adik saya. Saya benar-benar terkejut dan hampir-hampir pengsan.

Tiba-tiba lembaga itu mengejar kami dari belakang. Tanpa membuang masa kami pun melarikan diri dengan sekuatnya. Setelah lama berlari, kami memusing ke belakang, kami melihat lembaga yang mengejar kami tadi tidak kelihatan.

Tiba-tiba lembaga itu muncul di hadapan kami dan kami terkejut, dan terus berlari. Kemudian adik saya terjatuh dan tidak boleh bangun. Saya menariknya tetapi tidak berjaya. Lembaga itu semakin dekat. Saya tidak boleh berbuat apa-apa lagi. Saya pun terus jatuh dan pengsan.

Tiba-tiba saya bangun saya kelihatan saya ada ibu dan ayah. Lembaga yang mengejar saya dan adik tadi hanyalah mimpi ngeri.

SAMPEL PENULISAN NARATIF 2

Saya sedang membaca dengan asyiknya, apabila dengan tiba-tiba adik saya berlari masuk ke dalam bilik sambil menjerit dengan kuatnya lalu saya bertanya kepada adik saya kenapa adik menjerit adik saya menyatakan seorang pencuri telah masuk ke dalam rumahnya.

Apabila saya hendak keluar dari bilik, pencuri itu sudah ada di hadapan saya. Saya cuba melawan tetapi tidak berjaya lalu saya diikat saya meminta tolong, kebetulan ada orang mendengar jeritan saya lalu orang itu membuka ikatan itu. Pencuri itu tersedar.

Orang yang menolong saya tadi cuba melawan manakala saya terus ke bawah, lalu menelefon polis, sementara menunggu polis datang saya cuba menolong orang tadi tiba di saat genting pencuri itu mengacukan pistol ke arah saya dan orang tadi.

Empat minit kemudian polis pun datang lalu menangkap pencuri itu. Pihak polis mengucapkan ribuan terima kasih dan memuji keberanian saya, saya pun mengucapkan terima kasih kepada orang yang menolong saya tadi.

SAMPEL PENULISAN NARATIF 3

Saya sedang membaca dengan asyiknya, apabila dengan tiba-tiba adik saya berlari masuk ke dalam bilik sambil menjerit dengan kuatnya ayan. Berjalan adik saya berlari tidak masuk daripada bilik itu. Sedang membaca dengan asyiknya,

apabila dengan tiba-tiba adik saya. Perkataan yang bermula dengan ayat berikut tidak mereka sedari apabila.

Seorang yang tidak pergi rumah Ali awak cita-cita laya. Apabila tidak yang buku adik saya ayat sedarang telah menakah. Saya tidak pergi rumah kawan saya laya rumah itu cilih. Anda diberi saya tidak selalu tidak yang adik di bapa. Tidak selalu ayat pergi rumah di apabila dengan berikut mereka.

Menjerit dengan kuatnya adik saya berlari tidak masuk itu. Apabila di ayat dengan berikut mereka sukar tidak apabila selalu. Mereka sukan Malaysia ini laya masuk tidak apabila akan berlari. Sebarang masuk sukan adik dengan ayat pergi di rumah ayat. Rumah pergi kawan saya laya rumah itu cilih anda diberi. Selalu yang sejalan di dalam rumah saya adik berlari laya.

Selalu saya tidak pergi rumah di saya apabila adik kawan.

SKOR PENULISAN UNTUK NARATIF 1, 2 DAN 3

Ciri Penulisan	Naratif 1	Naratif 2	Naratif 3
Ide/Kandungan	6	5	1
Susunan	6	4	1
Suara	5	3	1
Perkataan	5	4	1
Kelicinan Ayat	5	4	1
Konvensi	6	3	1
Jumlah Skor	33	23	6/36
Tahap Penulisan	BAIK	SEDERHANA	LEMAH

RUJUKAN

- Allen, V.G. 1991. Teaching bilingual and ESL children. Dlm. Flood. J., Jensen, J.M., Lapp. D.& Squire, J.R., *Handbook of research on teaching the English Language Arts*. New York: Macmillan.
- Applebee, A.N. & Langer, J.A. 1983. Instructional scaffolding: reading and writing as natural language activities. *Language Arts* 60: 168-175.
- Barnow, L. 1989. *International encyclopedia of communications*. New York: Oxford University Press.
- Edelsky, C. 1982. Writing in a bilingual program: the relation of L1 and L2 texts. *TESOL Quarterly* 16(4): 211-228.
- Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof & Raja Mohd Fauzi Raja Musa. 2000. Masalah penulisan di kalangan pelajar-pelajar berprestasi rendah di sekolah menengah. Laporan akhir projek kajian jangka pendek UKM G8/98.
- Gamble, B.S. 1993. *ADA: understanding the Americans with disabilities act, American with disabilities act manual 2 (4): Part II*. Washington, DC: The Bureau of National Affairs.

- Garcia, M.W. 1992. *The Arizona student assessment program: systemic implications*. Phoenix: Arizona Department of Education.
- Goldman, S.R., & Rueda, R. 1988. Developing writing skills in bilingual exceptional children. *Exceptional Children* 54(6): 543-551.
- Graham, S. 1982. Composition research and practice: a unified approach. *Focus on Exceptional Children* 14 (8): 1-16.
- Graham, S. & Harris, K.R. 1989. Component analysis of cognitive strategy instruction: effects on learning disabled students' compositions and self-efficacy. *Journal of Educational Psychology* 8 (3): 353-361.
- Graham, S., Harris, K.R., Mac Arthur, C.A., & Schwartz, S. 1991. Writing and writing instruction for students with learning disabilities: review of a research program. *Learning Disability Quarterly* 14 (2): 89-114.
- Graham, S., Harris, K.R., & Sawyer, R. 1987. Composition instruction with learning disabled students: self-instructional strategy training. *Focus on Exceptional Children* 14(2): 2-10.
- Graves, A., Montague, M. , & Wong, Y.L. 1990. The effects of procedural facilitation on the story composition of learning disabled students. *Learning Disabilities Research* 5(2): 88-93.
- Harris, K.R. & Graham, S. 1992. *Helping young writers master the craft: strategy instruction and self-regulation in the writing process*. Cambridge, MA: Brookline Books.
- Johnson, D.J., & Grant, J.O. 1989. Written narratives of normal and learning disabled children. *Annals of Dyslexia* 39: 140-158.
- Laughton, J., & Morris, N.T. 1989. Storygrammar knowledge of learning disabled students. *Learning Disabilities Research* 4(2): 87-95.
- Lerner, J. 1993. *Learning Disabilities: Theories, diagnosis, and teaching strategies*. (Ed ke-6). Boston: Houghton Mifflin.
- MacArthur, C.A., & Graham, S. 1987. Learning disabled students' composing under three methods of text production: handwriting, word processing, and dictation. *The Journal of Special Education* 21(3): 22-42.
- Mather, N. & Roberts, R. 1995. *Informal assessment and instruction in written language: a practitioner's guide for students with learning disabilities*. Brandon, VA: Clinical psychology Publishing.
- Montague, M., & Leavell, A.G. 1994. Improving the narrative writing of students with learning disabilities. *Remedial and Special Education* 15(1): 21-23.
- Outhred, L. 1989. Word processing: its impact on childrens' writing. *Journal of Learning Disabilities* 22: 262-264.
- Patterson, T., & Bums, B.C. 1994. Matching the oral and written language skills of bilingual students. *NASSP Bulletin* 78(564): 58-61.
- Saville-Troike, M. 1984. What really matters in second language learning for achievement. *TESOL Quarterly* 18: 199-220.
- Tindal, G.A., & Marston, D.B. 1990. *Classroom-based assessment: evaluating instructional outcomes*. Ohio: Merrill.
- Valdes, G. 1992. Bilingual minorities and language issues in writing: toward professional-Wide responsibilities to a new challenge. *Written Communication* 9(1): 85-136.

Vallecorsa, A.L., & Garriss, E. 1990. Story composition skills of middle-grade students with learning disabilities. *Exceptional Children* 57(1): 48-54.

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan